

Perlu badan khas kawal harga rumah

JOHOR BAHRU 24 Ogos - Kerajaan diminta menubuhkan sebuah badan khas bagi mengawal dan membendung kenaikan harga rumah yang semakin serius sejak kebelakangan ini.

Setiausaha Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Datuk Dr. Abdul Halim Sidek berkata, setakat ini tiada badan khas ditubuhkan bagi tujuan itu menyebabkan harga rumah naik mendadak sehingga membebankan pembeli.

"Penubuhan badan khas ini juga adalah saranan daripada orang ramai memandangkan apa juga usaha yang dilakukan oleh kerajaan, harga rumah ini tetap akan meningkat.

"Justeru, dengan adanya badan khas ini, ia bukan sahaja dapat mengawal dan membendung kenaikan harga rumah, malah berperanan menentukan kadar keuntungan maksimum yang wajar dinikmati oleh pemaju bagi mengelakkan mereka mengaut keuntungan berlebihan," katanya.

Beliau berkata demikian

dalam program Advokasi Ilmuan bertajuk Perumahan di Malaysia: Mampu Milik atau Mampu Tengok? anjuran MPN dengan kerjasama Utusan Malaysia dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Dewan Sultan Iskandar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini hari ini.

Program yang dihoskan Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur, Dr. Durrishah Idrus itu menampilkan tiga ahli panel, iaitu Abdul Halim; Pengarah Penyelidikan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Dr. Suraya Ismail serta Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah UTM, Prof. Madya Dr. Hishamuddin Ali.

Yang turut hadir, Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Dr. Ir. Wahid Omar dan Penolong Ketua Pengarang Utusan, Datuk Hassan Mohd. Noor.

Abdul Halim berkata, badan khas itu boleh bekerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi di bawahnya bagi menangani isu harga rumah memandangkan projek perumahan melibatkan

tanah dan kawasan yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Kerajaan Persekutuan hanya boleh buat polisi tetapi mesti kena ada kerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi di bawahnya bagi memastikan usaha ini dapat dilakukan secara berterusan.

"Tidak kisah sekiranya sebuah negeri itu diperintah oleh kerajaan ataupun pembangkang, tetapi apabila melibatkan isu seperti harga rumah, ia tetap memerlukan sebuah badan induk untuk menyeliaanya," katanya sambil berharap semua pihak berkaitan menyokong sepeenuhnya usaha menubuhkan badan khas itu kerana isu perumahan tidak wajar diserahkan kepada kerajaan semata-mata.

Menurutnya, kerajaan telah melakukan banyak inisiatif dan memberi subsidi bagi memastikan rakyat memiliki rumah dan berharap pihak lain seperti Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REDHA) turut memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Mansuh Cukai Lapangan Terbang - MATTA

KUALA LUMPUR 24 Ogos - Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) meminta kerajaan mengkaji semula kewajaran mengenakan caj perkhidmatan penumpang atau lebih dikenali sebagai Cukai Lapangan Terbang kepada penumpang pesawat yang akan berlepas di semua lapangan terbang di negara ini.

Presidennya, Datuk Hamzah Rahmat berkata, para penumpang sebagai pengguna berhak mengetahui tujuan caj seperti itu dikenakan sedangkan mereka hanya ingin berlepas ke destinasi masing-masing tanpa menggunakan sebarang kemudahan yang khusus di setiap lapangan terbang.

"Ini seperti kita hendak membeli tiket bas di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di Bandar Tasik Selatan. Kita pergi ke terminal itu membeli tiket bas sahaja tetapi kita tidak pula dikenakan sebarang caj terminal bas," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar pemilihan syarikat penerbangan berpangkalan di Dubai, Emirates sebagai syarikat penerbangan rasmi pameran pelancongan terbesar, MATTA Kuala Lumpur 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) selama tiga hari bermula 2 September



ini di Wisma MATTA di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Wilayah Singapura, Malaysia dan Brunei Emirates, Andrew Bunn.

Malaysia Airport Holdings Bhd. (MAHB) mengenakan caj tersebut yang dimasukkan ke dalam harga tiket bagi setiap penumpang mengikut pilihan destinasi.

Ini termasuk caj sebanyak RM65 kepada para penumpang antarabangsa yang akan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan RM32 kepada penumpang antarabangsa yang berlepas dari KLIA2 dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA).

Hamzah berkata, MAHB didapati mengaut untung berbilion ringgit setiap tahun melalui pelbagai caj dan cukai yang dikenakan kepada pelbagai pihak termasuk para penyewa premis, syarikat penerbangan dan para penumpang.

"Bayangkan setiap hari berapa ramai penumpang pesawat yang dikenakan caj yang sedemikian dan kita tertanya-tanya caj seperti itu digunakan untuk apa?

"Sedangkan para penumpang perlu membayar pelbagai kos yang lain termasuk tambang ke lapangan terbang dan terpaksa berjalan jauh di dalam kawasan lapangan untuk ke pintu berlepas.

"Sejak dahulu caj ini telah dikenakan tetapi kita tidak nampak caj ini memberikan faedah kepada orang ramai," katanya.

Menurutnya jika caj tersebut dimansuhkan secara tidak langsung akan menjadikan harga tiket penerbangan lebih murah, sekali gus akan menggalakkan lebih ramai pelancong masuk ke negara ini.

"Kebanyakan operator lapangan terbang di Eropah tidak mengenakan caj ini, sekali gus berjaya menjadikan lapangan terbang mereka sebagai pilihan utama kerana tiada sebarang caj tersembunyi dikenakan terhadap penumpang," katanya.

Sementara itu, Bunn berkata, Emirates menawarkan pelbagai tiket penerbangan ke destinasi-destinasi di seluruh dunia dengan harga yang berpatutan kepada para pengunjung Pameran MATTA.

"Dengan hanya membuat sebarang tempahan pelancongan yang bernilai RM300, pengunjung juga layak untuk hadiah cabutan bertuah termasuk tiket penerbangan pergi balik London - Kuala Lumpur," katanya.